



UUM ONLINE: Generasi muda terutama pelajar universiti mesti dilatih aspek kepimpinan bermula daripada peringkat pengajian tinggi untuk membolehkan mereka menjadi pemimpin pelapis kepada negara masing-masing di rantau Asean.

Usaha melatih ini akan dapat membantu generasi muda mendekati ilmu kepimpinan serta memupuk semangat saling hormat menghormati hak negara jiran masing-masing kerana persefahaman akan membantu memakmurkan Asean.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, masih banyak ruang yang boleh dipelajari oleh generasi muda bagi memantapkan hubungan dua hala antara negara-negara Asean.

Beliau berkata, usaha ini mesti diteruskan kerana semua pemimpin Asean sudah mencapai kata sepakat untuk melahirkan Asean sebagai satu komuniti menjelang 2015.

"Saya berharap platform latihan dan kem kepimpinan ini akan dapat membantu melahirkan pemimpin muda ini dalam usaha merealisasikan hasrat murni pemimpin negara Asean terutama yang terbabit dalam Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMTGT), katanya ketika berucap di majlis perasmian Kem Kepimpinan IMTGT di UUM, di sini, semalam.

Seramai 100 peserta dari Thaksin University dan Prince Songkhla University dari Thailand serta Universitas Andalas dan Universitas Sumatera Utara mewakili Indonesia serta peserta tempatan menyertai kem kepimpinan ini.

Mustafa berkata dengan slogan *IMT-GT as one community*, pelajar universiti tiga negara berkampung di UUM bagi mempelajari ilmu kepimpinan dan pengurusan bagi memantapkan diri mereka sebagai pemimpin pelapis.

"Mereka akan menggunakan platform ini untuk berkenalan dengan pemimpin pelajar universiti lain dan berkongsi pengalaman masing-masing," katanya.

Katanya, sememangnya kem ini dianjurkan untuk membolehkan semua pihak bekerjasama dan memberi sumbangan bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara Asean.

"Jadi usaha ini akan berhasil, jika pemimpin muda ini dilatih untuk memahami perkara-perkara dan isu yang bukan sahaja berlaku dalam negara mereka tetapi apa yang berlaku di negara-negara Asean," katanya.

Sementara itu, seorang peserta Ar Rahman dari Universitas Andalas, Indonesia melihat peluang yang diberikan serta ilmu yang diterima daripada kursus ini amat bermakna kepada dirinya sendiri serta mampu mengubah perspektif pemikirannya.

"Kami di sini mudah memahami dan menghormati rakan negara Asean lain dalam IMTGT dan menganggap mereka sebagai sahabat baik terutama rakan dari Malaysia kerana mereka sangat senang menyambut kehadiran kami di sini.

"Malahan, riuh di Indonesia hubungan tidak baik antara Malaysia dan Indonesia tetapi itu tidak terjadi kepada kami kerana di sini ilmu kepimpinan banyak mengajar soal menghormati hak," katanya yang juga pelajar jurusan Farmasi.

Rakan daripada universiti yang sama, Yahya memberitahu beliau teruja apabila dipilih menyertai kem ini dan merasakan sangat hebat serta bersyukur kerana berkenalan dengan rakan dari Thailand dan Indonesia.

"Saya bukan sahaja akan belajar kepimpinan di UUM, Malaysia tetapi akan dibawa ke Thailand selepas beberapa hari di sini, dan ini adalah peluang yang terbaik kepada saya," katanya.

Pelajar dari Thaksin University, Songsak Foy Thong memberitahu bahawa beliau berbangga kerana mewakili universitinya menyertai kem kepimpinan.

"Saya gembira di sini dan akan cuba mendapatkan sebanyak ilmu yang boleh dan paling membanggakan, saya adalah antara lima pelajar yang terpilih daripada 5,000 pelajar yang memohon menyertai kem ini," katanya.

Ritahirut Kaoian dari jurusan pendidikan Thaksin University berkata suasana pembelajaran amat memuaskan dan beliau akan cuba bergaul dengan peserta dari negara lain untuk membolehkannya memahami budaya dan mempraktik semangat Asean.

"Semangat Asean ini akan diteruskan oleh generasi muda dan dengan demikian, kami sudah